

04 MAY 1998

PNSB MILIKI 20 PERATUS KEPENTINGAN DI DALAM POEM

SHAH ALAM, 4 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Selangor telah menerima tawaran sebanyak 20 peratus kepentingan di dalam Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), kata Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar.

Katanya kepentingan di dalam POEM akan dimiliki melalui badan pelaburan kerajaan negeri Selangor Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB).

"Tenaga Nasional Bhd dan rakan-rakan kongsi lain di dalam POEM menawarkan kami ekuiti itu dan kami telah memutuskan untuk mengambilnya," beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan satu seminar mengenai industri berknologi berasaskan pertanian di sini.

POEM adalah daya ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melancarkan kenderaan elektrik suria pertama Malaysia bernama "Eleksuria" pada Disember tahun lalu.

Pemegang-pemegang saham lain di dalam POEM adalah Fraser-Nash Research Ltd dari United Kingdom, yang memiliki 40 peratus, dan Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh dan Tan Sri Basir Ismail yang setiap seorang memiliki lima peratus.

POEM diperbadankan pada Mac tahun lalu dengan modal berbayar sebanyak RM10 juta.

POEM akan mengeluarkan empat variasi kenderaan elektrik yang akan digelar "Eleksuria," "Golf Buggy," "Harrods Buggy" dan "Airport Buggy."

Mengenai permintaan POEM, kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan sebuah tapak 40ha di Salak Tinggi, Sepang, bagi mendirikan kilang kereta nasional ketiga itu.

Abu Hassan sberkata kerajaan negeri Selangor akan mempercepatkan kelulusan tanah supaya kilang itu dapat menjalankan operasi seperti dijadualkan.

Pada bulan Mac, pengerusi eksekutif TNB Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, yang juga pengarah urusan POEM, berkata kilang POEM akan memulakan operasi dalam masa tiga tahun, sambil menambah bahawa kerja pembinaan ke atas kilang itu akan bermula awal tahun depan.

Beliau juga berkata kenderaan elektrik itu akan diperkenalkan di pasaran komersil tahun depan. -- BERNAMA

KM GC OS

SY